



LBS CADANG 5 LANGKAH STRATEGIK UNTUK BELANJAWAN 2025

- *Menumpu perhatian kepada pemilikan rumah, pembinaan inovatif, serta pembiayaan hijau bagi memacu masa depan hartaanah Malaysia*

Petaling Jaya, 16 Oktober 2024 – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju hartaanah terkemuka pilihan rakyat, terpanggil untuk berkongsi saranan utama bagi Belanjawan Negara 2025 yang bakal dibentang tidak lama lagi.

Selaras dengan komitmen terhadap inovasi, kelestarian, dan pemilikan rumah, LBS telah menggariskan beberapa saranan utama untuk Belanjawan Negara 2025 yang bertujuan memberi sokongan kepada sektor hartaanah dan ekonomi secara menyeluruh. Cadangan-cadangan ini mencerminkan dedikasi Kumpulan untuk menyediakan rumah mampu milik berkualiti tinggi, selari dengan matlamat ekonomi dan alam sekitar.

a) **Pengenalan Semula Kempen Pemilikan Rumah (HOC)**

LBS ingin menyarankan agar kerajaan mengembalikan semula Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang berjaya dilaksanakan dari tahun 2019 hingga tahun 2021. Inisiatif ini, yang menawarkan pengecualian duti setem dan kelonggaran kriteria kelayakan pinjaman, telah membantu lebih 100,000 keluarga mencapai impian memiliki rumah. Pengembalian HOC dijangka merangsang jualan dalam pasaran hartaanah kediaman, mempercepatkan perolehan hartaanah, dan meningkatkan sentimen positif dalam sektor hartaanah.

b) **Mempromosikan Penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS)**

Sebagai peneraju dalam amalan pembinaan inovatif, LBS mencadangkan agar kerajaan memberi insentif kewangan untuk penerapan Sistem Binaan Berindustri (IBS). Walaupun Pengecualian Cukai Pelaburan telah dilanjutkan sehingga 2025, Kumpulan berharap adanya subsidi atau geran yang dapat mengurangkan kos awal pengeluaran IBS. Penggalakan penggunaan IBS secara meluas dijangka meningkatkan kualiti pembinaan,

mengurangkan kebergantungan tenaga kerja, serta meningkatkan produktiviti dalam sektor pembinaan.

c) Menggalakan Kecerdasan Buatan (AI) dan Kemajuan Teknologi

LBS menyokong inisiatif kerajaan yang menggalakkan penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pembangunan harta tanah. Penggunaan AI dalam industri ini mampu meningkatkan kecekapan, keselamatan, dan produktiviti secara signifikan, serta mengurangkan kos operasi. LBS mencadangkan agar kerajaan memperkenalkan program latihan AI serta insentif kewangan bagi menggalakkan inovasi berasaskan AI di sektor harta tanah secara menyeluruh.

d) Memperkuat inisiatif Pembiayaan Hijau

Selari dengan komitmen LBS terhadap pembangunan lestari, Kumpulan menyarankan peningkatan dana di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau. LBS mencadangkan agar Belanjawan semasa sebanyak RM1 bilion diperluaskan dan meningkatkan had pembiayaan maksimum untuk projek pembangunan hijau. Langkah ini membolehkan pemaju melaksanakan projek hijau berskala lebih besar, sekali gus menyumbang kepada matlamat alam sekitar Malaysia dan membantu sektor harta tanah sejajar dengan piawaian kelestarian global.

e) Mengurangkan Kos Pematuhan

Laporan oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) menekankan bahawa kos pematuhan kini merangkumi 21% hingga 33% daripada nilai pembangunan kasar bagi projek perbandaran dan sehingga 45% untuk pembangunan strata. Memandangkan kos yang kian meningkat, LBS berharap kerajaan mengambil langkah untuk meringankan beban tersebut agar harga harta tanah kekal mampu milik bagi rakyat Malaysia, sekali gus membina sentimen positif dan perkembangan lestari untuk pasaran harta tanah.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS Bina, Tan Sri Dato Seri Ir. (Dr) Lim Hock San berkata, "Belanjawan Negara 2025 berpotensi untuk membentuk masa depan sektor harta tanah Malaysia secara signifikan. Dengan pelaksanaan inisiatif yang memudahkan pemilikan rumah mampu milik, memacu kemajuan teknologi seperti AI, dan memperluas inisiatif pembiayaan hijau, kami akan mampu meneraju peluang yang semakin berkembang. Dengan ini, rakyat Malaysia lebih

mudah memiliki rumah, seterusnya memupuk pasaran harta tanah yang lebih mampan dan berdaya tahan."

LBS kekal komited untuk membina rumah yang memenuhi keperluan rakyat Malaysia sambil mempromosikan amalan pembangunan lestari dan inovatif. Syarikat ini percaya bahawa dengan menangani cabaran dalam sektor harta tanah dan melaksanakan perubahan dasar yang lengkap, kerajaan dapat mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pemaju dan pembeli rumah, sekali gus memacu pertumbuhan jangka panjang dalam industri ini.

-Tamat-